

**Najib Sampai Ucapan Pembukaan Pada Persidangan Global Women Deliver 2013
Bernama
22 Mei, 2013**

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dijadual menyampaikan ucapan pembukaan pada Persidangan Global Women Deliver 2013 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini, Selasa depan.

Malaysia menjadi negara Asia pertama diberikan penghormatan menjadi tuan rumah edisi ketiga selepas London dan Washington D.C.

Menurut kenyataan Sekretariat Media Malaysia hari ini, persidangan tiga hari itu merupakan persidangan global terbesar dalam dekad ini dengan memberi tumpuan kepada kesihatan, hak dan kesejahteraan kaum wanita dan kanak-kanak perempuan.

Ia menyebut persidangan itu menyediakan peluang unik untuk melibatkan pemimpin-pemimpin serantau dan mempamerkan kemajuan Malaysia dalam menangani isu-isu wanita.

Penceramah Malaysia termasuk Pengarah Serantau Asia Women Deliver, dan Presiden Majlis AIDS Malaysia, Datuk Dr Raj Abdul Karim, Pengarah Musawah, Zainah Anwar, bekas presiden Persatuan Perubatan Malaysia, Dr Mary Suma Cardosa dan bekas ratu cantik Malaysia, Genevieve Sambhi.

Dr Raj dalam kenyataan berkata Malaysia dan rantau ini telah membuat kemajuan yang hebat dalam kesihatan ibu dan reproduktif dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

"Kita patut meraikan langkah-langkah ke hadapan tetapi juga sedar bahawa kerja kita belum selesai. Persidangan ini akan merangsang perbualan dan tindakan perlu diambil bagi memastikan kanak-kanak perempuan dan wanita menjadi keutamaan peringkat kebangsaan, serantau dan global," katanya.

Persidangan tersebut akan menangani sebilangan isu-isu utama seperti nilai-nilai sosial dan ekonomi dalam pelaburan ke atas golongan itu dan keperluan perkhidmatan perancangan keluarga.

Antara penceramah ternama ialah Pengerusi bersama Yayasan Bill and Melinda Gates, Melinda Gates, Setiausaha Rendah dan Pengarah Eksekutif Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Mengenai Wanita, Michelle Bachelet, Pentadbir, Program Pembangunan PBB (UNDP), Helen Clark dan Pengarah Eksekutif Tabung Penduduk PBB (UNFPA), Dr Babatunde Osotimehin.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=951614>